



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development, Communications and the Arts

Perkhidmatan Suruhanjaya Perancangan WA

Disampaikan oleh Suruhanjaya Perancangan WA di Wilayah Lautan Hindi

January 2023

Perkhidmatan

Suruhanjaya Perancangan WA, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, ialah badan berkanun utama yang bertanggungjawab terhadap perancangan penggunaan tanah, pembangunan tanah dan penyelarasan infrastruktur yang strategik dan berkanun di Wilayah ini. Sistem perancangan di Wilayah ini juga melibatkan Kerajaan Australia, Jabatan Perancangan, Tanah dan Warisan serta kerajaan tempatan, di samping pemaju dan pemilik tanah.

Apakah ertinya bagi saya?

Peranan Suruhanjaya Perancangan WA dinyatakan dalam *Akta Perancangan dan Pembangunan 2005* (WA) yang digunakan dan merangkumi:

- menyediakan nasihat kepada Menteri Kerajaan Australia mengenai perancangan penggunaan tanah, pembangunan tanah dan penyelarasan infrastruktur
- menyediakan, memantau dan mengkaji semula dasar, skim, strategi dan pelan perancangan penggunaan tanah
- merancang peruntukan infrastruktur yang terselaras
- mengawal atur perancangan penggunaan tanah bersepadu melalui kawalan dan kelulusan penggunaan tanah dan perancangan berkanun.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya:

Area	Contact details
Telefon	08 6551 8002
E-mel	Info@dplh.wa.gov.au
Laman web	www.wa.gov.au/organisation/western-australian-planning-commission